

11/03/1997

Menyubur kelas menengah Bumiputera

KEBIMBANGAN kerajaan terhadap perlunya usaha meningkatkan segera lebih ramai kumpulan menengah Bumiputera mendapat reaksi segera. Selang beberapa hari saja Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan perkara ini dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini, tenaga enam kementerian digabung untuk merangka program bersepadu bagi tujuan itu. Kita percaya, walaupun buat permulaan ini enam kementerian ditugaskan untuk menjalankan fungsi masing-masing bagi mencapai matlamat akhirnya semua kementerian, agensi kerajaan, semua kerajaan negeri serta sektor swasta akan digerakkan bagi memastikan hasrat Dr Mahathir itu dicapai. Dengan jaringan sedia ada, kita tidak nampak usaha itu menemui kegagalan. Tentunya kita tidak mahu kesungguhan kerajaan untuk mengubah komposisi masyarakat dengan matlamat memperbanyakkan golongan yang mampu bersaing, hanya menjadi slogan untuk menaikkan semangat semata-mata. Kesungguhan kerajaan perlulah disemarakkan dengan program yang tersusun dan diterjemahkan menerusi tindakan. Jika program ke arah itu dapat dimulakan sekarang, kita percaya hasilnya boleh dituai dalam masa yang paling singkat.

Pada kita matlamat mewujudkan ramai kumpulan kelas menengah Bumiputera sepatutnya menjadi keutamaan tugas semua pihak terbabit. Dalam sesebuah sistem organisasi mengikut hirarki, kumpulan menengah sepatutnya menjadi golongan kedua terbesar selepas golongan kurang berada. Namun tidak ada salahnya jika sistem ini diubah dengan meniadakan masyarakat kurang berada dan menjadikan semua mereka kumpulan menengah. Ia mungkin sesuatu yang mustahil dilakukan tetapi jika semua orang boleh meningkatkan pendapatan keluarga, ia bukanlah sesuatu yang mustahil. Dilihat daripada jumlah kawasan setinggan yang sudah begitu banyak dihapuskan, bermakna kita sudah berjaya meletakkan kumpulan berkenaan ke tahap yang lebih tinggi. Mereka juga pastinya boleh terus memajukan diri dan berpindah dari rumah pangsa di kawasan penempatan setinggan ke rumah teres dua tingkat di kawasan mewah. Dengan usaha gigih disokong dengan latihan untuk memajukan diri, program mewujudkan lebih ramai kumpulan kelas menengah ini, akan menjadi kenyataan.

Kita tidak boleh mempunyai begitu ramai kumpulan di peringkat rendah kerana ia tidak melambangkan kemajuan negara. Kriteria utama kumpulan menengah ini begitu mudah. Setiap individu yang termasuk dalam kategori ini mestilah sekurang-kurangnya mampu memiliki sebuah rumah yang berharga lebih RM100,000 di samping mempunyai kuasa beli yang agak tinggi. Tentunya kumpulan ini juga perlu mempunyai daya menabung yang tinggi. Hari ini memang ramai yang mampu berbuat demikian selepas mengambil kira pinjaman perumahan kerajaan dan sebahagian besarnya adalah pinjaman bersama suami isteri. Walaupun keluarga ini boleh dianggap setaraf dengan kumpulan menengah, apa yang dititikberatkan ialah kemampuan kita menambah bilangan kumpulan ini dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Ini bermakna peluang untuk mereka menimba pengalaman menerusi latihan dan kemahiran perlu diperbanyakkan. Seawal mungkin kita mahu mempunyai paling ramai kumpulan menengah Bumiputera profesional.

Kita akui sebelum ini memang pelbagai skim dan program diperkenalkan untuk membantu Bumiputera berjaya dalam bidang masing-masing. Malangnya, tidak ramai yang menjadi disebabkan kurang kemahiran untuk mengendalikan urusan masing-masing. Kegagalan mereka begitu nyata jika kita membuat perbandingan dengan kaum lain di negara ini. Kaum bukan Bumiputera

umpamanya tidak begitu memerlukan bantuan kerajaan, sebaliknya mereka tetap berjaya. Bagi kebanyakan bukan Bumiputera, mereka tidak ghairah makan gaji kerana pada mereka berniaga adalah sumber lumayan. Hari ini, mereka mendapat peluang berniaga yang begitu luas disebabkan rakan Bumiputera tidak mahu merebut peluang yang begitu banyak dan masih belum diterokai. Rasanya jika bertambah ramai Bumiputera yang mengikut jejak mereka, peluang untuk mencari rezeki dalam bidang itu, tidak akan terhakis melihat kepada perkembangan ekonomi negara begitu pesat. Malah ia akan membuka ruang baru perniagaan dengan pasaran baru pula.

Semua pihak perlu akui bahawa kekayaan negara perlu dikongsi sama rata kerana ia memang digariskan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pada kita langkah untuk mewujudkan ramai kumpulan kelas menengah Bumiputera ini adalah sebahagian daripada dasar kita menyusun semula masyarakat dan tidak perlu dipersoalkan.

(END)